

TAHAP PENGETAHUAN GURU PENDIDIKAN KHAS APABILA MENGURUS TINGKAH LAKU MURID BERMASALAH PEMBELAJARAN

**(SPECIAL EDUCATION TEACHER'S LEVEL OF
KNOWLEDGE IN DEALING WITH LEARNING DISABILITIES
STUDENT)**

Noor Aini Ahmad dan Norhafizah Abu Hanifah*

Faculty of Education and Human Development, Universiti Pendidikan Sultan Idris,
Tanjong Malim 35900 Perak, Malaysia

*Corresponding author: norhafizah.abuhanifah@yahoo.com

Abstrak: Kajian tinjauan telah dijalankan bertujuan untuk mengkaji tahap pengetahuan guru pendidikan khas apabila mengurus tingkah laku murid bermasalah pembelajaran. Seramai 60 orang peserta kajian dipilih menerusi persampelan rawak mudah dalam kalangan guru pendidikan khas yang mengajar di Program Pendidikan Khas Integrasi (Masalah Pembelajaran) peringkat sekolah rendah. Alat kajian merupakan soal selidik yang mengandungi item-item berkaitan demografi peserta kajian dan tahap pengetahuan guru pendidikan khas apabila mengurus tingkah laku murid bermasalah pembelajaran. Dapatkan kajian menunjukkan tahap pengetahuan guru apabila mengurus tingkah laku murid bermasalah pembelajaran adalah tinggi dengan min keseluruhan 4.194. Tahap pengetahuan guru dibahagikan kepada tiga iaitu cara mengurus tingkah laku (min = 4.237), peneguhan positif (min = 4.366) dan peneguhan negatif (min = 3.966). Bagi meningkatkan lagi tahap kemahiran guru untuk mengurus tingkah laku murid bermasalah pembelajaran apabila mengajar maka penataran kursus dalam perkhidmatan, pembinaan modul dan mengadakan bengkel berkaitan pengurusan tingkah laku dalam kalangan guru pendidikan khas wajar diberi perhatian oleh pihak berwajib.

Kata kunci: guru pendidikan khas, pengurusan tingkah laku, murid bermasalah pembelajaran

Abstract: A survey was conducted to assess the level of knowledge of special education teachers when managing the behaviour of students with learning disabilities. A total of 60 participants were selected through random sampling among special education teachers teaching in Special Education Integration Programme (Learning Disabilities) primary schools. The instrument was a questionnaire containing items related to the demographic study participants and the level of knowledge of special education teachers when managing the behaviour of students with learning disabilities. The findings show that the level of knowledge of teachers when managing student behaviour with learning disabilities is high with mean 4.194. The knowledge level of teachers is divided into three, namely how to manage behavioural (mean = 4.237), positive reinforcement (mean

= 4.366) and negative reinforcement (mean = 3.966). The upgrading of in-service courses, workshops and coaching modules related to management behaviour among special education teachers should be given more attention by the authorities to enhance the skills of teachers to manage behaviour when teaching students with learning disabilities.,

Keywords: special education teacher, behaviour management, learning disabilities student

PENGENALAN

Setiap murid bermasalah pembelajaran berbeza dan unik dari segi keupayaan fizikal, kognitif dan tingkah laku namun hak mereka dalam pendidikan tanpa mengira latar belakang sosial, kaum atau perkembangan intelek perlu diberi perhatian (Osman & Ahmad Ghazie, 2007). Tingkah laku negatif yang ditunjukkan oleh murid bermasalah pembelajaran akan menjadi semakin rumit jika tingkah laku yang tidak diingini ini tidak diatasi pada peringkat awal. Tingkah laku murid yang bersesuaian dengan persekitaran pasti membantu guru pendidikan khas melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran. Kredibiliti guru turut ditentukan dalam perancangan dan pemilihan bahan pengajaran yang bersesuaian (Mohd Sahandri Gani & Saifuddin Kumar, 2007). Selain itu, pengetahuan terhadap model pengubahsuaian tingkah laku yang efektif juga membantu guru lebih kreatif dan inovatif dalam penyampaian pengajaran. Guru juga perlu memikirkan pendekatan pengajaran yang bersesuaian dengan keperluan murid apabila mengajar (Noriaty, Boo, & Wong, 2010).

Justeru, pengurusan tingkah laku memainkan peranan yang penting dalam pembentukan tingkah laku positif, memberi keyakinan diri serta meningkatkan pencapaian akademik murid bermasalah pembelajaran. Guru sebagai agen perubahan perlu sentiasa melengkapkan diri dengan pengetahuan dan kemahiran, mempunyai sikap yang positif serta mempunyai motivasi yang tinggi bagi membantu murid bermasalah pembelajaran melalui proses pengubahsuaian tingkah laku secara berkesan.

LATAR BELAKANG KAJIAN

Guru pendidikan khas sebagai agen perubahan mempunyai tanggungjawab yang besar dalam merealisasikan hasrat dan aspirasi negara selaras dengan Falsafah Pendidikan Khas iaitu Pendidikan Khas di Malaysia adalah satu usaha berterusan untuk melahirkan insan yang berkemahiran, berhaluan, berupaya, beriman, berdikari, mampu merancang dan mengurus kehidupan serta menyedari potensi diri sendiri sebagai seorang individu dan ahli masyarakat yang seimbang dan

produktif selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dalam membawa perubahan dan melahirkan generasi masa depan yang dinamik, progresif dan proaktif.

Sebagai pembentuk tingkah laku, guru pendidikan khas perlu memahami cara mengurus tingkah laku demi membentuk insan yang mampu berfikir pada aras yang tinggi, menyelesaikan masalah secara berdikari dan menghargai keunikan individu. Guru pendidikan khas perlu tahap pengetahuan yang tinggi dan kebijaksanaan untuk mengurus tingkah laku murid secara profesional berlandaskan falsafah dan teori tingkah laku yang bersesuaian.

Menurut Noraini, Faridah, Manisah dan Safani (2001), proses pengajaran dan pembelajaran bergantung kepada kecekapan dan kemahiran guru pendidikan khas. Pengajaran yang bersesuaian dengan tahap kebolehan murid bermasalah pembelajaran dapat menentukan kejayaan proses pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan. Prinsip-prinsip asas pengajaran ditentukan oleh perubahan tingkah laku kerana proses pembelajaran adalah suatu proses perubahan dan berlaku sepanjang masa.

Memandangkan pengurusan tingkah laku dan pengurusan bilik darjah saling melengkapi maka Shahabuddin, Mahani dan Ramlah (2007) menyatakan bahawa pengurusan bilik darjah yang berkesan boleh mewujudkan suasana pembelajaran yang kondusif kerana rutin bilik darjah dapat berjalan dengan lancar dan disiplin terkawal. Pengurusan tingkah laku boleh juga dilakukan melalui peneguhan positif dan peneguhan negatif. Menurut Mok (2011), peneguhan positif merupakan stimuli yang boleh menambahkan kebarangkalian berulangnya sesuatu tingkah laku manakala peneguhan negatif pula ialah stimuli yang dipindahkan atau dihapuskan dengan tujuan meningkatkan tingkah laku positif supaya tingkah laku positif dapat diteruskan.

Bagi mewujudkan suasana pembelajaran yang kondusif, hubungan yang positif di antara guru pendidikan khas dan murid adalah penting kerana kebanyakan murid bermasalah pembelajaran mempunyai konsep kendiri yang rendah. Guru pendidikan khas perlu menyediakan perancangan yang sistematik dan bersesuaian dengan keperluan murid bermasalah pembelajaran bagi memastikan tingkah laku murid bermasalah pembelajaran diurus secara positif.

PERNYATAAN MASALAH

Kepentingan pemupukan dan pengukuhan disiplin dalam kalangan murid di semua peringkat persekolahan sentiasa diberi penekanan secara berterusan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Sehubungan dengan itu, peraturan dan dasar

berkaitan disiplin dan salah laku diperkenalkan dan dikuatkuasakan pelaksanaannya di sekolah-sekolah bagi mewujudkan iklim persekolahan yang sehat. Menurut Dantini (2011), masalah tingkah laku dalam kalangan murid bermasalah pembelajaran bukanlah suatu masalah yang sangat serius tetapi boleh menjadi serius sekiranya tidak dirawat.

Guru sering kali berhadapan dengan murid yang dilabelkan sebagai bodoh, dungu, lembab, nakal, suka mengganggu rakan dan sukar mengikuti pembelajaran di sekolah. (Utusan Malaysia, 6 September 2009). Guru juga berhadapan dengan pelbagai cabaran dan masalah lain yang timbul berhubung masalah tingkah laku murid. Menurut K. A. Razhiyah (2005), guru perlu mencatatkan masalah tingkah laku yang timbul dalam buku laporan harian untuk diberi perhatian dan rujukan pada masa hadapan. Tingkah laku murid bermasalah pembelajaran juga perlu diawasi kerana jika dibiarkan maka tingkah laku yang tidak diingini dikhuatiri akan berulang.

Bagi membantu murid bermasalah pembelajaran mengubah tingkah laku negatif kepada tingkah laku positif, guru wajar merancang dan melaksana amalan pengajaran berkesan melalui amalan praktikal dan penggabungan ilmu pengetahuan (Shulman, 1998). Pengurusan tingkah laku turut memberi kesan yang positif kepada proses pengajaran dan pembelajaran serta pembentukan tingkah laku positif dalam kalangan murid bermasalah pembelajaran. Kertas kerja ini membincangkan tentang kajian tinjauan yang telah dijalankan bertujuan untuk mengkaji tahap pengetahuan guru pendidikan khas apabila mengurus tingkah laku murid bermasalah pembelajaran telah dilakukan dengan berfokus kepada pembolehubah jantina, umur dan kaum.

Komponen Pengurusan Tingkah Laku

Kurikulum pendidikan kebangsaan sentiasa menjadi agenda terpenting dalam pembangunan dan pembentukan masa depan negara dan bangsa. Kurikulum juga dianggap sebagai bidang paling strategik bagi membina generasi yang dapat memenuhi keperluan dan pembangunan masa depan. Menurut Saedah (2008), kurikulum adalah satu reka bentuk atau perancangan sesebuah institusi atau negara dan kurikulum itu sendiri mempunyai pengertian yang yang luas yang mencakupi seluruh program yang dirancang. Menurut Noor Aini, Nor Siti Rokiah, Rohaizah dan Marzita (2011), perkembangan kurikulum melibatkan banyak keperluan membuat keputusan bagi mencapai matlamat pendidikan seperti mata pelajaran, pemilihan isi kandungan pelajaran, pemilihan pengalaman pembelajaran, objektif pembelajaran, bentuk penilaian dan keseluruhan kurikulum yang diguna pakai.

Matlamat kurikulum pendidikan khas masalah pembelajaran adalah menyediakan ilmu pengetahuan dan kemahiran melalui proses pengajaran dan pembelajaran yang fleksibel untuk memenuhi keperluan individu ke arah kehidupan bermakna (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2004). Kurikulum ini dibina supaya pembelajaran yang diperolehi dalam bilik darjah dapat diaplikasikan dalam kehidupan seharian. Komponen pengurusan tingkah laku merupakan salah satu komponen dalam bidang pengurusan kehidupan dalam kurikulum pendidikan khas masalah pembelajaran. Komponen pengurusan tingkah laku bertujuan untuk memberi penekanan dalam menghapuskan masalah tingkah laku negatif murid dan seterusnya memberi pengukuhan kepada tingkah laku positif yang sedia ada.

Komponen pengurusan tingkah laku juga bertujuan melatih murid mengurus emosi dan membina keyakinan diri supaya dapat disesuaikan dalam kehidupan bermasyarakat. Aspek-aspek keselamatan diterapkan bagi membantu murid mengenal pasti perkara-perkara yang membahayakan diri sendiri, orang lain, komuniti dan masyarakat. Secara tidak langsung komponen ini diajar supaya dapat meningkatkan tahap kesediaan belajar murid serta memupuk sikap positif terhadap pembelajaran.

Komponen pengurusan tingkah laku turut membimbing murid bermasalah pembelajaran untuk:

1. Mengamalkan dan mengekalkan tingkah laku baik yang sedia ada dan yang baharu diperolehi
2. Mengurus dan mengawal emosi untuk memahami diri dan orang lain
3. Meningkatkan kemahiran bersosialisasi dengan keluarga, rakan dan masyarakat,
4. Menjaga keselamatan dan kesihatan diri, keluarga, rakan dan masyarakat
5. Bersikap positif terhadap pengajaran dan pembelajaran

(Kementerian Pelajaran Malaysia, 2013).

Maka, kurikulum pendidikan khas masalah pembelajaran yang bersifat fleksibel membolehkan guru merancang dan menguruskan proses pengajaran dan pembelajaran dengan lebih mantap bagi mencapai matlamat dan objektif kurikulum. Pengurusan tingkah laku murid yang berkesan membantu guru menguruskan bilik darjah dengan baik, meningkatkan tumpuan pembelajaran murid, peningkatan pencapaian objektif dan keberkesanannya proses pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah.

Tingkah Laku Bermasalah

Dalam konteks pendidikan, tingkah laku bermasalah merujuk kepada sebarang tingkah laku murid yang boleh menjelaskan proses pengajaran dan pembelajaran

khususnya dalam bilik darjah. Menurut Mok (2011), tingkah laku bermasalah diklasifikasikan kepada dua kategori yang utama iaitu tingkah laku bermasalah negatif dan tingkah laku bermasalah positif. Tingkah laku bermasalah positif merangkumi tingkah laku ingin tahu, cepat belajar, pintar cerdas dan proaktif. Manakala tingkah laku bermasalah negatif merangkumi tingkah laku distruktif, pergantungan berlebihan, kebimbangan, pengunduran diri dan pengasingan diri. Tingkah laku bermasalah akan menjadi berbahaya sekiranya melibatkan kumpulan kecil yang mana akhirnya akan mengakibatkan keganasan sekiranya tidak dibendung lebih awal.

Menurut Saadah, Salwani dan Roslee (2008), antara kriteria untuk mengenal pasti murid yang mempunyai tingkah laku bermasalah adalah ketidakbolehan dan ketidakupayaan murid yang tidak dapat dijelaskan dengan menggunakan faktor-faktor deria, kesihatan dan intelek; suasana yang kurang gembira dan penuh kerisauan; tingkah laku dan perasaan yang kurang sesuai dalam keadaan normal, sering menunjukkan gejala-gejala fizikal atau perasaan takut yang ada kaitan dengan masalah peribadi. Manakala faktor-faktor yang perlu diambil kira semasa menilai sama ada tingkah laku itu normal atau sebaliknya adalah kekerapan berlakunya tingkah laku, kekuatan, tempoh dan kesesuaian dengan umur murid.

Menurut Ahmad Tarmizi (2011), tingkah laku merujuk kepada respon perbuatan, persempalan dan prestasi seseorang yang boleh diukur dan dilihat apabila individu berkenaan menerima rangsangan. Murid yang mempunyai tingkah laku bermasalah mempunyai sikap impulsif yang tidak boleh diduga kerana mungkin terlalu aktif, suka mengusik orang lain, mudah marah, merajuk, tidak boleh menerima kegagalan dan tidak boleh memberi tumpuan.

Tingkah laku kebimbangan merupakan salah satu daripada tingkah laku bermasalah yang berkait rapat dengan emosi ketakutan. Kebimbangan adalah fenomena yang akan menyebabkan murid mempunyai personaliti dan kendiri yang negatif. Tingkah laku kebimbangan terjadi disebabkan oleh percanggahan motif, konflik diri antara tingkah laku dan nilai sebenar, penyesuaian diri dalam menghadapi sesuatu keadaan yang baharu, menghadapi sesuatu keadaan yang sukar diramal dan kehilangan tempat bergantung.

Tingkah laku bermasalah boleh menyebabkan ketidakseimbangan antara emosi dan aktiviti kehidupan sehari-hari murid serta memberi kesan yang negatif terhadap proses pengajaran dan pembelajaran. Tingkah laku bermasalah bukan sahaja melibatkan aspek-aspek keganasan tetapi turut melibatkan permasalahan dalam pembentukan kendiri murid yang akan menentukan corak peribadi mereka pada usia dewasa. Tumpuan sering diberikan kepada tingkah laku distruktif berbanding tingkah laku bermasalah seperti kebimbangan, pengunduran diri dan pengasingan diri.

Pengetahuan Guru Berkaitan Pengurusan Tingkah Laku

Menurut Raghbir Kaur (2005), pengurusan tingkah laku ditakrifkan sebagai satu rancangan dalam modifikasi tingkah laku bermasalah kepada satu matlamat yang telah ditetapkan menggunakan teknik yang sesuai. Menurut Stone (2007), sekiranya tingkah laku boleh dipelajari, maka sudah tentu tingkah laku juga boleh diubah atau diubahsuai. Kebanyakan tingkah laku adalah berbentuk operan. Oleh itu, tingkah laku berubah apabila persekitaran berubah dan menyediakan akibat yang berbeza. Azizi dan Jamaludin (2007) menyatakan dari segi sosial, tingkah laku tidak normal ialah tingkah laku yang tidak diterima oleh norma masyarakat. Tingkah laku tidak normal juga mengganggu dan memudaratkan dirinya sendiri serta orang lain yang berada dipersekutarnya.

Abdullah Sani (2005) menegaskan guru boleh membantu mengubah tingkah laku murid dengan membantu mereka menyusun semula persekitaran dan merancang persekitaran sosial yang baharu. Tingkah laku murid berkait dengan faktor genetik, pengalaman yang dilalui dan tekanan sosial yang pernah dialami. Adeli (2002) mendapati bahawa 80% murid bermasalah pembelajaran mengalami masalah tingkah laku seperti agresif, pasif, masalah emosi, sosial negatif, masalah pertuturan, pengurusan diri, motor kasar dan motor halus. Menurut Fong (2003), teknik pengurusan tingkah laku yang dilaksanakan oleh guru pendidikan khas masih dipersoalkan dan memerlukan kajian untuk meninjau kesesuaian pelaksanaannya.

Menurut Nor Anisa (2005), guru perlu memiliki pengetahuan dan kemahiran asas untuk mengubah tingkah laku yang diingini. Kajian Ho (2005) ke atas 97 orang guru pendidikan khas mendapati tahap pengetahuan guru adalah sederhana berkaitan pengurusan tingkah laku untuk murid-murid ADHD di dalam bilik darjah. Aliza, Norshidah dan Mohd Mokhtar (2002) menjalankan kajian ke atas 47 orang guru pendidikan khas yang sedang mengikuti Program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Khas di Maktab Perguruan Ilmu Khas, Kuala Lumpur dan mendapati 72.3% daripada peserta kajian mempunyai tahap pengetahuan dan kemahiran yang sederhana berkaitan pengurusan tingkah laku. Kajian oleh Ahmad Tarmizi (2011) terhadap 60 orang guru yang mengajar di Program Pendidikan Khas Integrasi di sekolah menengah di sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur mendapati tahap kesediaan guru dalam melaksanakan modifikasi tingkah laku adalah tinggi dari segi pengetahuan ($\text{min} = 3.77$), kemahiran ($\text{min} = 3.88$) dan sikap ($\text{min} = 4.34$). Guru-guru pendidikan khas juga bersedia untuk menjalankan modifikasi tingkah laku ke atas murid bermasalah pembelajaran.

Pengetahuan yang baik berkaitan pengurusan tingkah laku dapat membantu guru menangani masalah tingkah laku murid bermasalah pembelajaran yang pelbagai. Guru perlu peka dan mengenali tingkah laku bermasalah yang wujud dan

seterusnya melaksanakan teknik yang sesuai untuk mengubah kepada tingkah laku yang diingini. Dengan ini, perhatian dan tindakan awal penting bagi mengelakkan timbulnya masalah tingkah laku yang lebih serius dalam kalangan murid bermasalah pembelajaran.

METODOLOGI KAJIAN

Reka Bentuk Kajian

Kajian tinjauan ini dijalankan untuk melihat amalan guru pendidikan apabila mengurus tingkah laku murid bermasalah pembelajaran. Peserta kajian terdiri daripada 60 orang guru pendidikan khas yang mengajar di Program Pendidikan Khas Integrasi (Masalah Pembelajaran) peringkat sekolah rendah. Instrumen yang digunakan dalam kajian ini terdiri daripada satu set soal selidik yang mengandungi item-item berkaitan demografi sampel kajian dan tahap pengetahuan guru pendidikan khas apabila mengurus tingkah laku murid bermasalah pembelajaran. Kajian rintis telah dilaksanakan terhadap 30 orang peserta kajian bagi mendapatkan kesahan dan kebolehpercayaan item. Data dianalisis menggunakan statistik deskriptif dan inferensi. Analisis Ujian-t digunakan untuk melihat perbezaan min skor antara dua kumpulan peserta kajian iaitu lelaki dan perempuan bagi menjawab pengujian H_{01} . Paras signifikan analisis Ujian-t ditentukan pada paras 0.05 bagi tujuan menolak dan menerima hipotesis nul. Ujian ANOVA satu hala juga digunakan bagi menjawab pengujian H_{02} dan H_{03} .

DAPATAN KAJIAN

Tahap Pengetahuan Guru Pendidikan Khas Apabila Mengurus Tingkah Laku Murid Bermasalah Pembelajaran (H_{01})

Berdasarkan Jadual 1, guru pendidikan khas mempunyai tahap pengetahuan yang tinggi dengan skor min = 4.43, iaitu peneguhan positif dapat meningkatkan tingkah laku sasaran, guru dapat membezakan di antara tingkah laku positif dan tingkah negatif yang ditunjukkan oleh murid dengan skor min = 4.42 dan guru mengetahui bahawa ganjaran dapat memberikan motivasi dan menggalakkan tingkah laku positif dengan skor min = 4.40 Tahap pengetahuan guru apabila mengurus tingkah laku murid bermasalah pembelajaran berada pada tahap yang tinggi dengan min keseluruhan iaitu 4.194.

Tahap Pengetahuan Guru PK Mengurus Murid Bermasalah Pembelajaran

Jadual 1. Tahap pengetahuan guru pendidikan khas apabila mengurus tingkah laku murid bermasalah pembelajaran

No	Item	Min	Sisihan Lazim	Tahap
Pengurusan Tingkah laku				
1.	Saya dapat membezakan di antara tingkah laku positif dan tingkah laku negatif yang ditunjukkan oleh murid.	4.42	.561	Tinggi
2.	Saya tahu tentang kepentingan pengurusan tingkah laku terhadap murid.	4.38	.585	Tinggi
3.	Saya tahu bahawa komponen pengurusan tingkah laku dalam Kurikulum Pendidikan Khas bertujuan supaya murid dapat mengamalkan tingkah laku positif, mengurus emosi dan membina keyakinan diri supaya dapat disesuaikan dalam kehidupan bermasyarakat.	4.37	.663	Tinggi
4.	Saya tahu bahawa pengurusan tingkah laku merupakan salah satu daripada komponen bidang pengurusan kehidupan dalam Kurikulum Pendidikan Khas.	4.32	.567	Tinggi
5.	Saya tahu tentang matlamat dan objektif pengurusan tingkah laku terhadap murid.	4.22	.691	Tinggi
6.	Saya tahu tentang kesan pengurusan tingkah laku terhadap proses pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah.	4.22	.585	Tinggi
7.	Saya tahu berkaitan jenis-jenis tingkah laku bermasalah.	4.12	.666	Tinggi
Peneguhan Positif				
8.	Saya tahu dan faham maksud pengurusan tingkah laku.	4.12	.555	Tinggi
9.	Saya tahu tentang langkah-langkah untuk membentuk tingkah laku positif murid.	3.97	.663	Tinggi
10.	Saya tahu bahawa peneguhan positif dapat meningkatkan tingkah laku sasaran.	4.43	.563	Tinggi
11.	Saya tahu bahawa peneguhan sosial seperti pujian dan senyuman dapat menggalakkan tingkah laku positif.	4.42	.591	Tinggi
12.	Saya tahu bahawa ganjaran dapat memberi motivasi dan menggalakkan tingkah laku positif.	4.40	.616	Tinggi
13.	Saya tahu bahawa pemberian token ekonomi bukan hanya dalam bentuk point atau stiker sahaja tetapi boleh dipelbagaikan.	4.33	.601	Tinggi

(bersambung)

Jadual 1. (sambungan)

14.	Saya tahu bahawa peneguhan positif dapat mengurangkan tingkah laku sasaran. Peneguhan Negatif	4.25	.728	Tinggi
15.	Saya tahu bahawa prosedur <i>time out</i> (pengasingan) adalah mengeluarkan murid daripada kumpulan pembelajaran dalam tempoh yang ditetapkan.	4.13	3.68	Tinggi
16.	Saya tahu bahawa hukuman dapat mengurangkan tingkah laku negatif.	4.12	.691	Tinggi
17.	Saya tahu bahawa peneguhan negatif dapat mengurangkan tingkah laku sasaran.	3.98	.701	Tinggi
18.	Saya tahu bahawa peneguhan negatif dapat meningkatkan tingkah laku sasaran.	3.92	.829	Tinggi
Min Keseluruhan		4.194		

Pengurusan Tingkah Laku Murid Bermasalah Pembelajaran Berdasarkan Demografi Jantina Guru Pendidikan Khas (H_{02})

Jadual 2. Keputusan Ujian-t terhadap tahap pengetahuan guru pendidikan khas mengikut jantina berkaitan kemahiran mengurus tingkah laku murid bermasalah pembelajaran

Kumpulan	N	Min	Sisihan Lazim	df	t	p
Lelaki	12	85.4167	6.96039	58	2.621	.011
Perempuan	48	78.3750	8.61129			

Nota: $p < 0.05$

Jadual 2 menunjukkan keputusan Ujian-t tahap pengetahuan guru pendidikan khas mengikut jantina berkaitan kemahiran mengurus tingkah laku murid bermasalah pembelajaran. Dapatkan menunjukkan $\text{min} = 85.4167$, $\text{sp} = 6.96039$ bagi guru lelaki dan $\text{min} = 78.3750$, $\text{sp} = 8.61129$ bagi guru perempuan. Dapatkan menunjukkan nilai $t = 2.621$, $p = 0.011$ iaitu nilai alpha adalah kurang daripada nilai aras signifikan iaitu <0.05 . Oleh itu, hipotesis ditolak kerana terdapat perbezaan min yang signifikan antara jantina guru pendidikan khas dengan kemahiran mengurus tingkah laku murid bermasalah pembelajaran.

Pengurusan Tingkah Laku Murid Bermasalah Pembelajaran Berdasarkan Demografi Umur Guru Pendidikan Khas

Jadual 3 menunjukkan keputusan Ujian ANOVA Sehala tahap pengetahuan guru pendidikan khas mengikut umur berkaitan kemahiran mengurus tingkah laku murid bermasalah pembelajaran. Dapatkan menunjukkan nilai $F = 0.449$, $p = 0.719$ iaitu nilai alpha adalah lebih besar daripada aras signifikan iaitu < 0.05 .

Tahap Pengetahuan Guru PK Mengurus Murid Bermasalah Pembelajaran

Oleh itu, hipotesis adalah diterima iaitu tidak terdapat perbezaan min yang signifikan antara umur guru pendidikan khas dengan kemahiran mengurus tingkah laku murid bermasalah pembelajaran.

Jadual 3. Keputusan Ujian ANOVA sehala tahap pengetahuan guru pendidikan khas mengikut umur berkaitan kemahiran mengurus tingkah laku murid bermasalah pembelajaran

Sumber	SS	df	Min Square	F	p
Antara Kumpulan	105.539	3	35.180	.449	.719
Dalam Kumpulan	4388.644	56	78.369		
Jumlah	4494.183	59			

Nota: $p < 0.05$

Pengurusan Tingkah Laku Murid Bermasalah Pembelajaran Berdasarkan Demografi Kaum Guru Pendidikan Khas

Jadual 4. Keputusan Ujian ANOVA sehala tahap pengetahuan guru pendidikan khas mengikut kaum berkaitan kemahiran mengurus tingkah laku murid bermasalah pembelajaran

Sumber	SS	df	Min Square	F	p
Antara Kumpulan	363.287	2	181.643	2.506	.091
Dalam Kumpulan	4130.897	57	72.472		
Jumlah	4494.183	59			

Nota: $p < 0.05$

Jadual 4 menunjukkan keputusan Ujian ANOVA Sehala tahap pengetahuan guru pendidikan khas mengikut kaum berkaitan kemahiran mengurus tingkah laku murid bermasalah pembelajaran. Dapatkan menunjukkan nilai $F = 2.506$, $p = 0.091$ di mana nilai alpha didapati lebih besar daripada nilai aras signifikan iaitu < 0.05 . Oleh itu, hipotesis adalah diterima iaitu tidak terdapat perbezaan min yang signifikan mengikut kaum dengan kemahiran mengurus tingkah laku murid bermasalah pembelajaran dalam kalangan guru pendidikan khas.

PERBINCANGAN

Pengetahuan berkaitan pengurusan tingkah laku berperanan membantu guru pendidikan khas menangani masalah tingkah laku murid bermasalah pembelajaran sama ada di dalam atau di luar bilik darjah. Dapatkan kajian menunjukkan tahap pengetahuan yang tinggi dalam kalangan guru pendidikan khas apabila mengurus tingkah laku murid bermasalah pembelajaran. Dapatkan

kajian ini selari dengan dapatan kajian Ahmad Tarmizi (2011) yang mendapati tahap kesediaan guru dalam melaksanakan modifikasi tingkah laku adalah tinggi dari segi pengetahuan, kemahiran dan sikap. Walau bagaimanapun dapatan kajian ini tidak selari dengan dapatan kajian Aliza et al. (2002) dan Ho (2005) yang mendapati tahap pengetahuan guru pendidikan khas adalah sederhana berkaitan pengurusan tingkah laku untuk murid bermasalah pembelajaran.

Apabila guru pendidikan khas mempunyai pengetahuan yang tinggi berkaitan pengurusan tingkah laku maka proses pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah dapat dilakukan dengan lebih lancar. Kesan daripada pengubahsuaian tingkah laku dapat membantu murid mengubah tingkah laku negatif mereka, meningkatkan prestasi murid serta dapat membentuk tingkah laku positif dari aspek fizikal, mental, emosi dan sosial.

Pengetahuan berkaitan tingkah laku negatif penting apabila guru membantu mengurus tingkah laku murid kerana faktor ini berkait rapat dengan perancangan guru menyediakan intervensi pengurusan tingkah laku yang bersesuaian untuk murid bermasalah pembelajaran. Dapatan kajian menunjukkan guru pendidikan khas mempunyai pengetahuan yang tinggi untuk membezakan tingkah laku positif dan tingkah laku negatif yang ditunjukkan oleh murid. Dapatan kajian ini menyokong kajian Saadah et al. (2008) yang mendapati ketidakbolehan dan ketidakupayaan murid berkait dengan faktor deria, kesihatan, intelek, kerisauan, tingkah laku yang kurang sesuai dalam keadaan normal serta ketidakbolehan membina atau mengekalkan perhubungan dengan orang lain.

Dapatan kajian juga mendapati tahap pengetahuan guru berkaitan peneguhan positif dan negatif adalah tinggi. Tingkah laku positif boleh diperolehi melalui peneguhan sosial, ganjaran dan token ekonomi serta peneguhan positif lain yang dapat meningkatkan tingkah laku sasaran. Manakala peneguhan negatif boleh dilakukan melalui aktiviti *time out* dan hukuman supaya mengurangkan tingkah laku sasaran. Dapatan kajian ini menyokong kajian Nor Anisa (2005) yang mendapati guru pendidikan khas perlu memiliki pengetahuan yang tinggi untuk mengubah tingkah laku yang diingini.

Tahap pengetahuan guru pendidikan khas yang tinggi mencerminkan komitmen mereka dalam menjalankan tugas hakiki. Guru pendidikan khas juga perlu mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran berkaitan pengurusan tingkah laku melalui pembacaan, kursus serta menghadiri bengkel pengurusan tingkah laku. Pengaplikasian pengetahuan sedia ada dan pengetahuan yang baharu dapat membantu mengatasi masalah tingkah laku yang dihadapi oleh murid bermasalah pembelajaran di samping dapat memperkayakan lagi kemahiran dan pengalaman guru pendidikan khas berkaitan pengurusan tingkah laku.

IMPLIKASI KAJIAN

Dapatkan kajian menunjukkan tahap pengurusan tingkah laku murid bermasalah pembelajaran dalam kalangan guru pendidikan khas telah berada di tahap yang tinggi. Faktor ini merupakan rentetan daripada rangka kursus yang disediakan ketika mengikuti pengajian di universiti dan pengalaman mereka mengurus murid dalam bilik darjah. Namun begitu, pihak berwajib seperti Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah dan pihak pentadbiran sekolah perlu terus melakukan penataran kursus dalam perkhidmatan, pembinaan modul dan mengadakan bengkel berkaitan pengurusan tingkah laku dari semasa ke semasa. Usaha ini memberi peluang kepada guru pendidikan khas untuk memahami dan melaksanakan kaedah baharu untuk mengurus tingkah laku murid bermasalah pembelajaran apabila mengajar dalam bilik darjah.

Pengurusan tingkah laku merupakan satu aspek penting yang harus diketahui dan difahami oleh setiap guru pendidikan khas terutama guru pendidikan khas yang baharu melapor diri dalam perkhidmatan. Sekiranya modul pengurusan tingkah laku disediakan maka mereka mampu menangani masalah tingkah laku murid bermasalah pembelajaran secara lebih terancang. Dikhawatir guru baharu tidak dapat menyampaikan pengajaran dengan sempurna apabila berhadapan dengan masalah tingkah laku murid malah mengganggu perasaan sehingga menyebabkan guru merasa tertekan.

Pengetahuan guru yang tinggi apabila mengurus tingkah laku memberi kepercayaan dan keyakinan kepada ibu bapa atau penjaga untuk menyerahkan tanggungjawab mendidik anak mereka kepada guru pendidikan khas. Perkongsian ilmu antara ibu bapa atau penjaga murid dan guru pendidikan khas melalui perbincangan yang diadakan pasti membantu kedua-dua pihak mengubah tingkah laku negatif kepada tingkah laku yang lebih positif.

Murid pendidikan khas belajar mengurus tingkah laku masing-masing dari semasa ke semasa walaupun mengambil masa yang lebih lama. Mereka belajar berdikari dan bersosialisasi supaya mampu mengurus kehidupan di masa akan datang dengan baik. Kehidupan bermakna menjadi matlamat utama dalam model konseptual pendidikan khas masalah pembelajaran yang disarankan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Bagi mencapai matlamat kehidupan bermakna maka semua murid bermasalah pembelajaran perlu dilatih untuk mengurus tingkah laku masing-masing.

RUMUSAN

Kemahiran dan kesediaan guru mengurus tingkah laku penting bagi menentukan kejayaan sesuatu program. Guru perlu juga mempunyai pengetahuan berkaitan tentang cara merekod kekerapan peristiwa, perekodan masa, persampelan masa dan mampu melaksanakannya di sekolah. Pengetahuan berkaitan cara merekod secara sistematik boleh membantu guru untuk mengurus tingkah laku murid secara berperingkat. Pengurusan tingkah laku yang berkesan dapat mewujudkan bilik darjah yang kondusif yang menggalakkan penglibatan murid secara maksimum dan meminimumkan tingkah laku murid yang bermasalah. Oleh yang demikian, guru pendidikan khas tanpa mengira umur, kaum dan jantina perlu melengkapkan diri dengan pengetahuan dan kemahiran berkaitan pengurusan tingkah laku dan sentiasa membuat penambahbaikan ketika mengajar.

Melalui pengetahuan, kemahiran dan pembinaan modul serta kursus dalam perkhidmatan, guru pendidikan khas akan lebih bersedia untuk menghadapi dan menangani cabaran apabila mengurus tingkah laku murid bermasalah pembelajaran. Penglibatan dan kolaborasi antara kumpulan pelbagai disiplin terutamanya ibu bapa dan penjaga serta pihak hospital adalah perlu bagi menjamin keberkesanan sebarang aktiviti berkaitan pengurusan tingkah laku murid bermasalah pembelajaran.

RUJUKAN

- Abdullah Sani Yahaya. (2005). *Mengurus disiplin pelajar*. Pahang: PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd.
- Adeli Awang Noh. (2002). *Kajian kesan masalah tingkah laku terhadap pencapaian matematik kanak-kanak berkeperluan khas*. Academic exercises. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.
- Ahmad Tarmizi Che Mat. (2011). *Kesediaan guru dan keberkesanan pelaksanaan program modifikasi tingkah laku pelajar berkeperluan khas sekolah menengah di Kuala Lumpur*. Master's thesis. Universiti Malaya.
- Aliza Alias, Norshidah Mohd Salleh, & Mohd Mokhtar Tahar. (2002). *Kemahiran guru-guru khas terhadap pengurusan tingkah laku pelajar berkeperluan khas*. Prosiding Seminar Kebangsaan. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Azizi Yahaya, & Jamaludin Ramli. (2007). *Psikologi abnormal*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Dantini Ak Juring. (2011). *Aplikasi teknik modifikasi tingkah laku dalam pengurusan tingkah laku murid bermasalah pembelajaran*. Unpublished degree thesis, Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Fong, C. H. (2003). *Kesesuaian pengurusan tingkah laku terhadap kanak-kanak autisma di sebuah sekolah: Satu kajian kes*. Unpublished Master's thesis, Universiti Malaya.

Tahap Pengetahuan Guru PK Mengurus Murid Bermasalah Pembelajaran

- Ho Sew Ching. (2005). *Program pengurusan tingkah laku untuk murid yang mempunyai kecelaruan kurang daya tumpuan dan hiperaktif (ADHD) di kelas Program Integrasi Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran*. Academic exercises. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- K. A. Razhiyah. (2005). *Menjadi guru pendidikan khas*. Bentong: PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2004). *Huraian sukanan pelajaran pendidikan khas bermasalah pembelajaran sekolah rendah dan menengah bidang pengurusan kehidupan*. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Berhad.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2013). *Kurikulum standard sekolah rendah pendidikan khas (masalah pembelajaran) pengurusan kehidupan tahun empat*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Mohd Sahandri Gani Hamzah & Saifuddin Kumar Abdullah (2007). *Model prestasi kerja dalam kalangan penjawat awam teknologi pendidikan: Satu penerokaan analitik*. Putrajaya: Jabatan Pengajian Politeknik Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.
- Mok Soon Sang. (2011). *Psikologi pendidikan*. Selangor: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- Noor Aini Ahmad, Nor Siti Rokiah Abdul Razak, Rohaizah Abdul Wahid, & Marzita Mansor. (2011). *Terapi pertuturan augementatif dan alternatif bagi murid-murid bermasalah pembelajaran teruk*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Nor Anisa Musa. (2005). *Modifikasi tingkah laku melalui kemahiran asas guru dan guru sebagai kaunselor dan motivator dalam pembentukan tingkah laku kanak-kanak*. Universiti Malaya. Retrieved from <http://www.scribd.com/doc/28238700/Modifikasi-Tingkah-Laku-Melalui-Kemahiran-Asas-Guru>
- Noraini Mohd Salleh, Faridah Serajul Hag, Manisah Mohd. Ali, & Safani Bari. (2001). *Pendidikan khas di Malaysia: Kepelbagaiannya pengajaran dan pembelajaran*. Prosiding seminar pendidikan khas kebangsaan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Noriati A. Rashid, Boo, P. Y., & Wong, K. W. (2010). *Asas kepimpinan dan perkembangan professional guru*. Selangor: Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Osman Hashim, & Ahmed Ghazie Ibrahim. (2007). Ke arah peningkatan pengajaran dan pembelajaran pendidikan seni dalam pendidikan khas bermasalah pembelajaran. *Jurnal Masalah Pendidikan*, 30(1), 37–49.
- Ragbir Kaur a/p Joginder Singh. (2005). *Panduan ulangkaji ilmu pendidikan untuk Kursus Perguruan Lepasan Ijazah (KPLI)*. Subang Jaya: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Saadah Sumrah, Salwani Sudirman, & Roslee Ahmad. (2008). *Kaedah menangani kanak-kanak bermasalah tingkahlaku*. Paper presented at Seminar Kaunseling Keluarga, Universiti Teknologi Malaysia, Johor, 30 Ogos, pp. 90–96.
- Saedah Siraj. (2008). *Kurikulum masa depan*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Shahabuddin Hashim, Mahani Razali, & Ramlah Jantan. (2007). *Psikologi pendidikan*. Kuala Lumpur: PTS Publication & Distributor Sdn. Bhd.
- Shulman, L. S. (1998). Theory practice and education of professionals. *The Elementary School Journal*, 98(5), 511–526.

Noor Aini Ahmad dan Norhafizah Abu Hanifah

- Stone. (2007). The effects of token economy of improve social and academic behavior with primary aged child with disabilities. *International Journal of Special Education*, 6(2), 15–23.
- Utusan Malaysia (6 September 2009). *Bahagian kesihatan*. Retrieved 30 April 2013, from http://www.utusan.com.my/info.ASp/Y=2009&Dt.096&pub=utusan_malaysia&sec=kesihatan&pg=kn05.htm